

Northport kendali kren canggih

KUALA LUMPUR 17 Mei - Northport (Malaysia) Bhd. menjadi pelabuhan pertama yang mempunyai dua kren yang dilengkapi dengan sistem teknologi terkini.

Dua kren itu dilengkapi peranti perlindungan beban *Bubenzer-Malmedie Snag*.

Kren tersebut adalah sebahagian daripada enam kren baharu yang dibeli dengan pelaburan lebih daripada RM170 juta bagi meningkatkan kapasiti pengendalian terminal.

Kren baharu tersebut akan ditempatkan di Terminal Kontena Northport Dua (CT2), yang mempunyai kapasiti untuk mengendalikan saiz kapal Super Post Panamax dengan jangkauan 18 bekas kontena.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Abi Sofian Abdul Hamid berkata, ia akan memastikan operasi yang selamat, menjadikan Northport pelabuhan pertama di rantau ini menggunakan kren yang dilengkapi dengan teknologi canggih ini, meningkatkan keselamatan pengendalian kontena.

“Teknologi ini akan membolehkan memuatkan dan mengeluarkan kontena tanpa gangguan dan selamat, sekali gus dapat menyediakan perkhidmatan yang optimum kepada pelanggan kami,” katanya.